

Piagam Pelanggan UniMAP

UniMAP sangat komited untuk mencapai piagam pelanggan berikut :-

Dasar Kualiti

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) beriltizam mengendali program pengajian yang berkualiti untuk melahirkan insan dan sumber manusia yang berupaya memenuhi keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan.

UniMAP bertekad melaksana pengurusan akademik secara profesional, cekap dan berkesan dengan mengutamakan penambahbaikan secara berterusan supaya UniMAP berdaya saing di persada antarabangsa.

Objektif Kualiti

UniMAP beriltizam mencapai:

Objektif Kualiti 1

Graduan memperolehi PNGK 3.00 ke atas dalam setiap konvokesyen:

40% bagi Program Kejuruteraan

60% bagi Program Teknologi Kejuruteraan

95% Program Teknologi

70% bagi Program Komunikasi dan Program Perniagaan

60% Program Diploma Kejuruteraan.

Objektif Kualiti 2

75% daripada pensyarah berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau kelayakan yang setaraf dengannya.

Objektif Kualiti 3

Nisbah staf akademik dengan mahasiswa prasiswazah:

1:20 bagi Program Kejuruteraan

1:20 bagi Program Teknologi Kejuruteraan

1:15 bagi Program Teknologi

1:25 bagi Program Perniagaan

1:20 bagi Program Komunikasi (Teori)

1:15 bagi Program Komunikasi (Praktikal).

Objektif Kualiti 4

Tahap Kepuasan Pelanggan setiap tahun:

Kepuasan Mahasiswa 80%

Kepuasan Staf 85%.

Objektif Kualiti 5

30% Jurutera Profesional (PE) atau setaraf daripada jumlah minimum staf akademik yang diperlukan (berdasarkan nisbah staf : pelajar iaitu 1:20 untuk setiap program kejuruteraan di fakulti).

Objektif Kualiti 6

60% staf akademik aktif terlibat sebagai Penyelidik Utama dalam projek penyelidikan.

Pencapaian bagi tahun semasa akan dilaporkan dalam MKSP pada akhir tahun, selepas Audit Dalaman SPK dijalankan (sekitar April atau awal tahun untuk tahun berikutnya).